

Jenis Akhbar : BH Ahad
Tarikh : 03/07/2022
Edisi / Muka Surat : Nasional / 17
Tajuk : Program myezycover.com bertepatan pada masanya

Program myezycover.com bertepatan pada masanya

Pembiayaan insurans kenderaan atasi masalah kekurangan aliran tunai

Oleh Farah Marshita
Abdul Patah
farahmarshita@bh.com.my

Kuala Lumpur: Program Pembiayaan Insurans Kenderaan Keluarga Malaysia myezycover.com yang dilancarkan oleh kerajaan kelmarin, kena pada masanya memandangkan penjawat awam kini tidak mempunyai aliran tunai yang banyak.

Presiden CUEPACS, Datuk Adnan Mat, berkata walaupun penjawat awam mempunyai pendapatan tetap, jumlahnya adalah kecil.



Keratan akhbar BH,
2 Jun.

"Kadangkala insurans kenderaan tamat tempoh pada waktu kurang sesuai seperti musim perayaan, hujung bulan atau musim persekolahan, di mana penggunaan aliran tunai amat mendesak.

"Kuasa membeli juga sangat rendah, oleh itu untuk membeli atau membuat bayaran secara tunai adalah memeritkan," katanya kepada BH, semalam.

Beliau berkata, program terbabit juga memberi keleegan aliran tunai kepada penjawat awam untuk menyediakan kemudahan lain.

"Sekiranya penjawat awam ingin mengetahui dan mendapatkan keterangan lanjut

berhubung program ini, mereka boleh menghubungi CUEPACS. Kita akan membantu dan memudahkan cara kepada program ini," katanya.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaacob, melancarkan program berkenaan yang akan memanfaatkan 1.6 juta penjawat awam, termasuk bertaraf kontrak.

Menerusi program itu, penjawat awam tetap dan bertaraf kontrak layak memohon skim pembiayaan terbabit dengan syarat nisbah hutang tidak melebihi 60 peratus daripada jumlah penda-

patan bulanan.

Selain itu, kerajaan juga bersetuju program berkenaan diperluaskan kepada kakitangan syarikat berkaitan kerajaan (GLC), syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) dan sektor swasta dalam tempoh terdekat.

Program terbabit adalah hasil rangka kerjasama strategik pihak awam dan swasta diusahakan Kementerian Sumber Manusia bersama Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd (ANGKASA) dan A Tech Insure Sdn Bhd.

“ Kadangkala insurans kenderaan tamat tempoh pada waktu kurang sesuai seperti musim perayaan, hujung bulan atau musim persekolahan, di mana penggunaan aliran tunai amat mendesak”



Adnan Mat,
Presiden CUEPACS

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA